

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 19 Jun 2025



## KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### PRESTASI PELANCONGAN DOMESTIK DI MALAYSIA PADA SUKU PERTAMA 2025 DAN TAHUNAN 2024

---

**Perbelanjaan pelawat domestik Malaysia melonjak sebanyak 22.1 peratus kepada RM29.4 bilion pada suku pertama 2025**

**PUTRAJAYA, 19 JUN 2025** – Perbelanjaan pelancongan domestik bagi suku pertama 2025 merekodkan RM29.4 bilion, meningkat 22.1 peratus tahun ke tahun. Bilangan pelawat domestik di Malaysia mengalami lonjakan yang ketara untuk merekodkan 69.7 juta pelawat domestik bagi suku tahun pertama 2025, meningkat 18.9 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Sementara itu, bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, pelawat domestik meningkat 4.3 peratus berbanding suku keempat 2024. Bilangan pelancong domestik pada suku tahun pertama 2025 meningkat 37.6 peratus berbanding suku tahun pertama 2024, mencatatkan 25.2 juta pelancong. Statistik ini diketengahkan dalam **SURVEI PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA (DTS) 2024 DAN BULETIN SURVEI PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA (DTS), SUKU TAHUN PERTAMA 2025** yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada hari ini. Laporan itu turut membentangkan statistik tahunan berkaitan ketibaan pelawat, perbelanjaan pelancongan, corak perjalanan dan profil sosial & demografi pelawat domestik pada tahun 2024.

Sektor pelancongan domestik Malaysia merekodkan pertumbuhan yang ketara pada 2024, dengan jumlah perbelanjaan pelawat domestik mencecah RM106.7 bilion, meningkat 25.6 peratus daripada RM84.9 bilion pada 2023. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan perbelanjaan daripada pelancong dan pelawat harian, masing-masing mencatatkan kadar pertumbuhan 20.6 peratus dan 33.8 peratus. Pelancong kekal sebagai penyumbang terbesar jumlah perbelanjaan dengan 59.0 peratus, walaupun terdapat pertumbuhan perlahan daripada 61.5 peratus pada tahun sebelumnya. Purata tempoh penginapan meningkat secara sederhana kepada 2.49 malam pada 2024 daripada 2.45 malam pada 2023, menunjukkan peningkatan dalam bilangan hari bermalam bagi perjalanan domestik.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin menyatakan bahawa bilangan pelawat domestik telah meningkat 21.7 peratus untuk mencatatkan 260.1 juta pelawat pada 2024 berbanding 213.7 juta pada 2023. Peningkatan dalam aktiviti perjalanan domestik ini disokong oleh faktor bermusim pada suku pertama, termasuk sambutan Tahun Baharu Cina, bulan Ramadan dan persiapan Hari Raya Aidilfitri serta cuti sekolah yang menyumbang kepada peningkatan pergerakan dan perbelanjaan berkaitan pelancongan.

Bagi mod pengangkutan, 97.6 peratus pelawat domestik menggunakan pengangkutan darat, manakala perjalanan udara hanya menyumbang 2.1 peratus. Dari segi pemilihan penginapan, 60.4 peratus pelancong menginap bersama saudara-mara dan rakan. Sementara itu, kadar pelancong yang memilih penginapan berbayar meningkat dengan penginapan di hotel mewakili 21.7 peratus daripada penginapan bermalam dan penggunaan homestay meningkat daripada 6.7 peratus pada 2023 kepada 8.6 peratus pada 2024. Melawat saudara-mara dan rakan kekal sebagai tujuan utama perjalanan domestik, menyumbang 34.6 peratus daripada bilangan perjalanan pada 2024, meningkat daripada 33.6 peratus pada 2023. Sebaliknya, perjalanan bertujuan untuk membeli-belah merosot kepada 27.6 peratus daripada 32.6 peratus pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, membeli-belah kekal menjadi kategori perbelanjaan yang terbesar, mencatatkan 37.4 peratus daripada jumlah perbelanjaan pelancongan domestik, diikuti

oleh makanan dan minuman dengan 16.2 peratus dan pembelian bahan api kenderaan dengan 12.7 peratus.

Di peringkat negeri, Selangor merupakan negeri yang paling kerap dikunjungi, menarik 34.5 juta pelawat domestik, diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 27.0 juta pelawat domestik dan Perak dengan 21.8 juta pelawat domestik. Selain itu, Perak telah mengalami peningkatan yang ketara dalam ketibaan pelancong, meningkat sebanyak 36.1 peratus kepada 10.2 juta pada 2024 daripada 7.5 juta pada 2023. Secara keseluruhannya, sektor pelancongan domestik Malaysia pada 2024 menunjukkan pertumbuhan yang kukuh dan pesat, didorong oleh peningkatan bilangan pelawat, perbelanjaan yang lebih tinggi dan perubahan dalam corak perjalanan. Walaupun tujuan perjalanan melawat saudara mara kekal dominan, minat yang semakin meningkat terhadap pelancongan yang berasaskan rekreasi, program dan pengalaman mencerminkan pasaran yang semakin dinamik dan pelbagai.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


**Carta 1: Bilangan Pelawat Domestik mengikut Suku Tahun, 2022 – 2025**




**Carta 2: Jumlah Perbelanjaan Pelancongan Domestik mengikut Suku Tahun, 2022 – 2025**




**Carta 3: Bilangan Pelancong Domestik mengikut Suku Tahun, 2022 – 2025**



**Carta 4: Bilangan Pelawat Domestik di Malaysia, 2017 – 2024**



**Carta 5: Jumlah Perbelanjaan Pelawat Domestik di Malaysia, 2017 – 2024**



Jadual 1: Taburan Peratus Pelancong mengikut Jenis Penginapan, 2020 - 2024

| Jenis Penginapan           | Peratus (%) |       |       |       |       |
|----------------------------|-------------|-------|-------|-------|-------|
|                            | 2020        | 2021  | 2022  | 2023  | 2024  |
| Jumlah                     | 100.0       | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 |
| Rumah saudara-mara & rakan | 65.1        | 58.6  | 67.9  | 61.3  | 60.4  |
| Hotel                      | 24.1        | 29.5  | 21.2  | 22.3  | 21.7  |
| Chalet                     | 0.8         | 3.1   | 1.9   | 3.1   | 2.0   |
| Apartmen                   | 2.3         | 2.6   | 3.3   | 3.9   | 4.7   |
| Inap desa/ Rumah percutian | 3.8         | 4.5   | 3.4   | 6.7   | 8.6   |
| Rumah rehat                | 3.9         | 1.7   | 2.3   | 2.7   | 2.6   |

Jadual 2: Taburan Peratus Pelawat Domestik mengikut Mod Pengangkutan, 2020 - 2024

| Mod Pengangkutan       | 2020    | 2021    | 2022    | 2023    | 2024    |
|------------------------|---------|---------|---------|---------|---------|
|                        | Pelawat | Pelawat | Pelawat | Pelawat | Pelawat |
|                        | (%)     | (%)     | (%)     | (%)     | (%)     |
| Jumlah                 | 100.0   | 100.0   | 100.0   | 100.0   | 100.0   |
| Udara                  | 1.0     | 1.1     | 1.7     | 1.8     | 2.1     |
| Air                    | 0.4     | 0.3     | 0.3     | 0.3     | 0.3     |
| Darat                  | 98.6    | 98.6    | 98.0    | 97.9    | 97.6    |
| Kenderaan persendirian | 95.2    | 97.2    | 96.7    | 91.7    | 90.9    |
| Teksi                  | 2.0     | 1.3     | 1.8     | 4.6     | 4.1     |
| Bas                    | 2.4     | 1.1     | 0.8     | 3.2     | 3.9     |
| Kereta api             | 0.4     | 0.4     | 0.7     | 0.5     | 1.1     |

**Jadual 3: Perjalanan Pelancongan Domestik mengikut Tujuan Utama, 2020 – 2024**

| Tujuan                                  | 2020                  | 2021  | 2022  | 2023  | 2024  |
|-----------------------------------------|-----------------------|-------|-------|-------|-------|
|                                         | Peratus Sumbangan (%) |       |       |       |       |
| Melawat saudara-mara & rakan            | 32.0                  | 24.2  | 33.7  | 33.6  | 34.6  |
| Membeli-belah                           | 42.3                  | 36.4  | 29.9  | 32.6  | 27.6  |
| Percutian/ mengisi masa lapang/ berehat | 16.9                  | 15.5  | 16.4  | 17.9  | 14.6  |
| Perjalanan insentif/ lain-lain          | 1.4                   | 5.4   | 8.9   | 5.4   | 10.7  |
| Hiburan/ menghadiri acara khas/ sukan   | 1.7                   | 6.6   | 5.0   | 4.8   | 5.7   |
| Rawatan perubatan/ penjagaan diri       | 4.2                   | 10.3  | 4.4   | 3.9   | 4.5   |
| Amal ibadat/ melawat rumah ibadat       | 0.6                   | 0.4   | 0.9   | 1.1   | 1.5   |
| Urusan rasmi/ perniagaan/ pendidikan    | 0.9                   | 1.2   | 0.8   | 0.7   | 0.8   |
| Jumlah                                  | 100.0                 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 |

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**  
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**19 JUN 2025**